



POLISI PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Universiti Teknologi Malaysia komited untuk mewujudkan dan melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja yang efektif untuk meningkatkan prestasi berterusan, meminimumkan hazard dan mencegah kemalangan dan kecederaan di tempat kerja untuk semua aktiviti dalam operasi rutin dan bukan rutin.

KOMITMEN KAMI

1. PENCEGAHAN KEMALANGAN/INSIDEN, KECEDEeraan DAN PENCEMARAN

- Mewujudkan sistem proaktif yang dapat menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk pencegahan kecederaan yang berkaitan dengan pekerjaan, dan kesihatan, mengurangkan hazard dan risiko kepada pekerja, pelajar dan orang awam.
- Perlindungan alam sekitar termasuk pencegahan pencemaran dan pemuliharaan sumber.

2. PENAMBAHBAIKAN

- Meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan secara berterusan dengan menetapkan kerangka objektif dan program keselamatan dan kesihatan serta persekitaran.

3. PEMATUHAN

- Komited untuk mematuhi semua undang-undang Keselamatan, Kesihatan Pekerja dan Alam Sekitar serta keperluan perundangan lain.

4. KOMUNIKASI

- Menyebarkan maklumat berkaitan keselamatan dan kesihatan kepada pekerja, pelajar, dan pihak berkepentingan yang lain.
- Menyediakan mekanisme untuk perundingan dan keterlibatan pekerja dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

5. BUDAYA KESELAMATAN

- Memupuk budaya kerja yang selamat dengan berpandukan pemahaman, tanggungjawab dan peraturan diri.
- Menanamkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerja dan pelajar mengenai pentingnya menguruskan keselamatan dan kesihatan mereka.
- Memberi latihan keselamatan kesihatan pekerjaan untuk meningkatkan kesedaran pekerja mengenai kesan dan risiko yang datang dari aktiviti, produk dan perkhidmatan di tempat kerja.

Polisi ini hendaklah diedarkan dan disediakan kepada semua pekerja, pelajar dan pihak yang berkepentingan serta akan disemak dari semasa ke semasa.

PROF. DATUK TS. DR. AHMAD FAUZI BIN ISMAIL
Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia

1 Januari 2021